

## PERSOALAN

Mengapa kita dikatakan kurang membaca? Adakah disebabkan pengaruh kajian membaca kebangsaan? Sejauh manakah kebenaran itu? Bolehkah ia dibuktikan dengan kajian pemerhatian sendiri? Apakah kajian itu mengambilkira faktor-faktor mengapa keadaan sebegitu berlaku? Adakah kita perlukan kajian benchmarking ke atas budaya membaca kita berbanding dengan negara-negara yang mempunyai tahap membaca yang tinggi?

Inilah antara persoalan-persoalan yang berlegar-legar di fikiran saya ketika melihat senario yang berlaku di kalangan masyarakat kita apabila disentuh tentang budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia.

Tak keterlaluan untuk saya katakan bahawa purata jumlah 2 buah buku dibaca oleh rakyat Malaysia setahun merupakan nombor yang perlu dikaji dengan lebih mendalam.

Kita perlu lebih kritis. Mengapa hanya 2 buah buku secara puratanya dibaca oleh rakyat Malaysia setahun? Tentunya bersebab. Daripada pemerhatian dan pembacaan saya, didapati bahawa:

1. Tidak menjadi budaya orang Malaysia untuk membaca

Mungkin kerana masa kita dihabiskan untuk bekerja dan berada di jalanraya untuk ke tempat kerja. Apabila kembali ke rumah, penat dan letih.

Mungkin juga kerana semasa di bangku sekolah, tidak ditekankan kepentingan membaca.

Mungkin juga kerana pengaruh ibu bapa atau keluarga yang tidak menitikberatkan budaya membaca. Tidak pernah dihadiahkan buku, dan tidak pernah terfikir bahawa buku itu penting dan membaca itu penting.

Mungkin juga kerana pengaruh media massa yang semakin menjauhkan penontonnya dengan buku, sebaliknya menjadikan artis itu sebagai idola utama mereka.

2. Pengaruh suasana dan faktor sekeliling

Mungkin telah menjadi amalan kita untuk membaca dalam keadaan sunyi. Sepertimana yang seringkali menjadi amalan di dalam sesebuah perpustakaan yang suruh diam. Tidak salah. Tetapi kesannya secara tidak sedar ialah kita turut terpengaruh untuk membaca di dalam keadaan sunyi. Kerana itulah agak sukar untuk kiat membaca di dalam LRT, bas atau tempat-tempat awam.

Malah mungkin persepsi orang ramai bahawa orang yang membaca (terutamanya di tempat-tempat awam) adalah untuk menunjuk-nunjuk, dan memberikan gambaran 'negatif' bahawa pembaca itu 'ulat buku' yang tidak boleh dibuat kawan (kerana hanya berkepit dengan buku). Ulat buku mungkin dianggap anti-sosial atau anti sukan. Persepsi-

persepsi sedemikian amat merbahaya kerana ia akan menjauhkan buku dengan masyarakat.

3. Harga buku yang dianggap mahal

Mungkin ini juga antara faktor utama untuk tidak membaca. Harga buku yang mahal mungkin disebabkan oleh beberapa faktor lain seperti kadar tukaran wang asing yang tinggi yang menyebabkan harga buku import menjadi mahal, kos penerbitan dan percetakan yang tinggi, dan keengganan kita sendiri untuk mengeluarkan wang dari saku untuk membeli buku.

4. Merasakan ketidakpentingan membaca

Mungkin sifat untuk merasakan tidak ada kepentingan untuk membaca merupakan antara faktor utama rakyat Malaysia kurang membaca. Sama ada sebagai seorang bekas mahasiswa universiti atau bekas pelajar sekolah, kebanyakkan daripada kita tidak mahu memegang buku apatah lagi membacanya. Ini juga satu kemungkinan. Kerana daripada pemerhatian saya, terutamanya dari kenalan-kenalan saya, didapati amat kurang daripada mereka yang mahu membaca. Dan tidak ada satu perasaan untuk membaca. Sehingga seterusnya memberikan alasan kerana pengaruh masa (kerja) yang membatasi mereka daripada membaca. Mungkin kerana memikirkan bahawa buku tidak akan memberi sebarang faedah secara langsung kepada mereka, jika dibandingkan dengan perkara-perkara lain. Misalnya, dengan membeli kereta (atau bertukar-tukar kereta), secara langsung memberikan kepuasan kepada mereka dari segi nilai estetik dan kemewahan.